

Tsunami, gempa bumi jejas keuntungan Honda

B/4 28/4/12 MS7.

HONDA Motor mengumumkan keuntungan bersihnya bagi tahun fiskal berakhir Mac susut 60.4 peratus berbanding tahun sebelumnya berikutan kesan bencana tsunami dan gempa bumi, banjir di Thailand serta pengukuhan yen.

Keuntungan bersih kumpulan bagi tempoh berkenaan berjumlah 211.5 bilion yen (RM7.9 bilion), susut daripada 534.1 bilion yen (RM20.16 bilion) setahun sebelumnya, kata syarikat berkenaan di Tokyo, semalam.

Jualan sepanjang tahun susut 11.1 peratus kepada 7.97 trilion yen (RM300 bilion) dan keuntungan operasi jatuh 59.4 peratus kepada 231.4 bilion yen (RM8.73 bilion).

Kemerosotan itu disebabkan oleh pemberhentian sementara pengeluaran dan pelarasan pengeluaran akibat gempa bumi besar yang berlaku di timur Jepun, banjir di Thailand serta kesan pertukaran mata wang asing yang tidak menguntungkan, katanya dalam satu kenyataan.

Pembuat kereta Jepun melihat kemusnahan berlarutan kepada rantaian bekalan sebagai hasil daripada gempa bumi dan tsunami yang melanda Jepun tahun lalu dan juga

banjir di Thailand semasa musim luruh.

Pengukuhan yen turut memberi kesan kepada keuntungan dan jualan pengeksport.

Pembuat kereta Jepun itu juga tertekan susulan peningkatan nilai mata wangnya yang mencecah rekod tertinggi berbanding dolar pada tahun lalu.

Keadaan itu, menjadikan eksport secara relatifnya lebih mahal di luar negara dan mengurangkan nilai pendapatan.

Bagi tahun fiskal terkini sehingga Mac 2012, Honda meramalkan pemulihan yang cepat, dengan mengunjurkan keuntungan bersih sehingga 470 bilion yen (RM17.74 bilion) dan keuntungan operasi sehingga 620 bilion yen (RM23.40 bilion) pada jualan berjumlah 10.3 trilion yen (RM388 bilion). - AFP